



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**PERTANDINGAN *ROBOTIC LEGO EDUCATION*
'TUG OF WAR' PERINGKAT ANTARABANGSA**

SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2018

DEWAN SRI SIANTAN | 27 FEBRUARI 2018 | 5.30 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim

[Salutasi akan diselaraskan kemudian]

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Wilayahku Ceria

1. Alhamdulillah, segala pujian dan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini, dengan segala limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul di dalam Majlis Perasmian Penutup Pertandingan *Robotik Lego Education Tug Of War* Peringkat Antarabangsa.
2. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi

penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Persatuan Robotik Wilayah Persekutuan Putrajaya selaku penganjur program ini yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan dan memastikan kelancaran program pada hari ini. Saya amat berbangga program seperti ini dilaksanakan di bawah payung Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 bagi kluster sukan dan rekreasi. Jelas terpancar kegembiraan dan keterujaan anak-anak semua yang berada di dalam dewan ini sesuai dengan tema hari wilayah persekutuan pada tahun ini iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”.

3. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

4. Tahun ini adalah merupakan tahun kedua penganjuran program seumpama ini. Matlamat penganjuran pertandingan ini adalah untuk mengukur kreativiti dan kebijaksanaan murid serta memupuk minat murid menerusi program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di luar bilik darjah. Selain itu, kita juga cuba untuk mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan seterusnya melahirkan murid yang sentiasa memiliki idea daya cipta yang tinggi.
5. Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini lebih menjurus ke arah mengasah kemahiran-kemahiran abad ke-21 iaitu mendidik murid sebagai pencetus kreativiti dan menjana inovasi supaya dapat melahirkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja apabila mereka dewasa kelak.

6. Program robotik yang memberikan keutamaan terhadap STEM merupakan usaha berterusan kerajaan untuk mempromosikan pendidikan berteraskan reka cipta dan inovasi di kalangan murid sekolah. Sistem pembelajaran di sekolah menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi yang memerlukan murid menjadi inovatif dan kreatif. Kedua-duanya merupakan elemen penting dalam usaha untuk melahirkan generasi pemain industri baharu yang berupaya untuk bersaing di peringkat global. Malah, program ini juga menjadi pemacu kepada negara untuk mencapai status negara maju yang mampu mendepani pelbagai cabaran menjelang tahun 2020 seiring dengan dasar 60:40 (Sains/Teknikal:Sastera).
7. Oleh kerana kesedaran dan minat para pelajar dalam bidang robotik semakin bercambah dan meluas, maka program ini telah mendapat 1,456 penyertaan dari sekolah-sekolah di seluruh negara melibatkan peringkat sekolah rendah, menengah, berasrama penuh, MRSM, swasta dan juga kolej teknik dan vokasional.
8. Seramai 2,912 orang murid sekolah dari umur 7 tahun hingga 19 tahun menyertai pertandingan ini dan melibatkan 1,000 orang guru pembimbing. Apa yang lebih membanggakan pada tahun ini kita juga berjaya mendapat penyertaan daripada luar negara iaitu 1 pasukan dari Korea Selatan, 2 pasukan dari Thailand dan 2 pasukan dari Indonesia.

9. Pada tahun lalu, pertandingan ini berjaya mencipta rekod di dalam Malaysia Book Of Records dengan Penyertaan Terbanyak. Malahan pada tahun ini, pertandingan ini sekali lagi berjaya mencatat rekod baru di dalam Malaysia Book Of Records (MBOR) apabila berjaya mengumpul **CIPTAAN ROBOT TERBANYAK** atau "*The Largest Robot In A Robotic Competition*". Sama-sama kita saksikan sebentar lagi pengumuman daripada pihak MBOR mengenai perkara ini.
10. **Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**
11. Setiap pasukan yang menyertai pertandingan ini telah mencerminkan tahap keupayaan, kompetensi dan penguasaan masing-masing terhadap konsep, prinsip dan aplikasi ilmu dan kemahiran yang dikuasai. Kepada pasukan yang berjaya pada hari ini, setinggi-tinggi tahniah diucapkan dan kepada pasukan-pasukan lain, ambillah ruang ini sebagai pengalaman yang dapat ditimba untuk tingkatkan usaha anda pada masa hadapan. Perlu diingatkan pertandingan hari ini bukan semata-mata untuk menjadi juara, yang paling penting adalah ilmu yang anda semua kutip adalah untuk dikongsi bersama rakan lain seterusnya untuk perkembangan sendiri kelak.
12. Saya amat gembira program ini diadakan di WP Putrajaya kerana ia bukan sahaja menyuntik minat para pelajar dalam bidang reka cipta sains dan teknologi dalam kalangan pelajar sekolah di Putrajaya, malah program ini juga dapat mempromosikan WP Putrajaya sebagai

salah sebuah destinasi pelancongan yang indah, bersih dan terancang.

13. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sasbadi Holdings Berhad yang telah menyumbangkan sumber tenaga dan kewangan melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk menggalakkan pelajar sekolah menguasai bidang sains dan teknologi, robotik, serta ICT pada setiap tahun. Saya amat berharap akan dapat melihat pertambahan penglibatan organisasi korporat dan syarikat-syarikat swasta sama ada secara kerjasama strategic ataupun di bawah inisiatif CSR di dalam program-program komuniti dan akademik seperti ini.
14. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Jabatan Pendidikan WP Putrajaya, Universiti Kuala Lumpur dan University Malaysia Of Computer Science & Engineering di atas kerjasama yang diberikan. Buat anak-anak sekalian, Tahniah dan Syabas!
15. **Akhir kata dengan lafaz bismillahirohmanirohim, saya merasmikan Pertandingan Robotik *Lego Education Tug of War* Peringkat Antarabangsa 2018.**
16. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.